

## Penjimatan tidak membabitkan perkhidmatan kesihatan

Oleh Balajs Jazimah Zahari - Julai 16, 2022 @ 5:36pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



IPOH: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi jaminan langkah penjimatan dalaman oleh kerajaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, ini kerana langkah penjimatan yang akan dilaksanakan Kementerian hanya membabitkan perkara yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan seperti protokol, majlis jamuan dan baju.

"Saya memberi jaminan bahawa Pekeliling Perbendaharaan ini (langkah penjimatan dalaman) tidak menjejaskan perkhidmatan kesihatan dan juga ubat-ubatan.

"Penjimatan tidak akan untuk perkhidmatan kesihatan, ubat-ubatan dan sebagainya kita tidak akan kurangkan.

"Kita akan potong (jimat) perkara yang tidak membabitkan perkhidmatan kesihatan seperti protokol, majlis jamuan, baju.

"Macam majlis buatlah di kemudahan sendiri tak payah sewa hotel, tidak perlu catering mewah, itu yang kita jimatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Peringkat Negeri Perak di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini hari ini.

Khairy berkata, setiap peringkat KKM sudah diarahkan melakukan penjimatan susulan arahan pekeliing dari Kementerian Kewangan itu.

"Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Harjeet Singh sudah pun memberi arahan kepada semua bahagian dan juga program di bawah KKM untuk menggariskan langkah penjimatan seperti yang diarahkan.

"Jadi apabila kita mendapat pekeliing daripada MOF, maka di peringkat kementerian kita akan minta semua jabatan, bahagian untuk senaraikan apa yang boleh kita jimatkan sejajar apa yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan," katanya.

Semalam **media melaporkan**, semua kementerian, jabatan, agensi, badan berkanun persekutuan dan syarikat terhad dengan jaminan (CLBG) diarah melaksanakan langkah penjimatan dalaman dengan mengoptimumkan perbelanjaan, bagi membolehkan penjimatan itu disalurkan untuk kesejahteraan rakyat.

Arahan itu dikeluarkan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia bertajuk 'Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam' ditandatangani Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Seri Asri Hamidon dan berkuat kuasa kelmarin.